



SIARAN MEDIA

PENGUMUMAN TARikh BARU SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2021

SHAH ALAM, 16 OGOS 2021 - Invest Selangor Berhad hari ini mengumumkan bahawa Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor 2021 (SIBS 2021) akan ditunda ke 18 hingga 21 November 2021, berikutan dengan situasi negara yang sedang berhadapan dengan krisis pandemik Covid-19.

SIBS 2021 yang akan diadakan dalam format hibrid ini diharap dapat membantu membangunkan kembali perniagaan-perniagaan yang telah terganggu disebabkan pandemik.

SIBS 2021 memperuntukkan lebih 500 gerai fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur dan lebih 1000 gerai maya di portal www.selangorbusinesshub.my. Pameran hibrid ini dengan keupayaan digital diharap dapat menghubungkan pelanggan, pelabur dan rakan dagang dari kedua-dua dunia.

Acara ini akan kembali dengan enam komponen utama, yang terdiri daripada:

1. Selangor International Expo (F&B) 2021, edisi ke-7
2. Selangor ASEAN Business Conference (SABC) 2021, edisi ke-5
3. Selangor Smart City & Digital Economy Convention (SDEC) 2021, edisi ke-6
4. Selangor R&D and Innovation Expo (SRIE) 2021, edisi ke-2

dan memperkenalkan dua acara baru iaitu:

5. Selangor International Expo (MEDIC) 2021
6. Selangor Industrial Park Expo (SPARK) 2021

Di samping enam program utama ini, terdapat beberapa acara sampingan lain yang akan dianjurkan bersama SIBS 2021 iaitu:

1. Malaysia China Entrepreneurs Conference
2. Selangor International Culinary Festival
3. Selangor International Healthcare Conference

Diharap dengan perlaksanaan program vaksinasi di bawah “Operation Surge Capacity” dan Program Vaksin Selangor (SelVAX) oleh Kerajaan Negeri Selangor, akan dapat meningkatkan kadar vaksinasi di Lembah Klang dan seterusnya memberikan keyakinan kepada pelanggan, pelabur dan rakan dagang untuk menghadiri acara SIBS 2021 secara fizikal. Pengajuran SIBS 2021 secara fizikal tahun ini akan mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Malaysia.

November ini bakal menjadi bulan yang sibuk untuk Invest Selangor kerana terdapat dua acara perdagangan besar iaitu Selangor Aviation Show 2021 dan Selangor Internasional Business Summit 2021. Invest Selangor mengalu-alukan kedatangan pelanggan, pelabur dan rakan dagang di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur dan juga secara maya di portal www.selangorbusinesshub.my.

Untuk mengunjungi SIBS 2021 secara maya, sila layari www.selangorbusinesshub.my dan sila layari www.selangorsummit.com bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai SIBS 2021. Jumpa anda November nanti!

Facebook : @selangorsummit
Instagram : @selangorsummit
LinkedIn : @selangorsummit
Twitter : @selangorsummit

-TAMAT-

About Invest Selangor Berhad:

Invest Selangor Berhad is an investment promotion agency playing a pivotal role in the promotion and attracting both local and foreign direct investments to encourage the economic development of Selangor. Invest Selangor also coordinates and facilitates the approval of investors' applications with government agencies and provides relevant business matching and marketing opportunities to improve the business ecosystem in the state.

For Selangor investment enquiries, please visit www.investselangor.my

For media enquiries please contact:

Nurul 'Ain Mohd Yussof

nurul@investselangor.my

+6012 3437059

Maryani Binti Mat Saad

maryani@investselangor.my

+6016 6997901